

# UPM hasil produk OryGOLD

KUALA LUMPUR 12 Okt. - Sekumpulan penyelidik Universiti Putra Malaysia (UPM) berjaya menghasilkan produk berasaskan beras perang cambah yang mampu mengurangkan risiko menghidap kencing manis, sakit jantung dan penyakit Alzheimer.

Ketua penyelidik, Prof. Dr. Maznah Ismail berkata, penyelidikan di bawah Institut Biosains UPM itu telah dimulakan sejak 2006 melibatkan produk beras perang cambah yang baik untuk kesihatan dikenali sebagai OryGOLD dan minuman kesihatan OryGOLD Drink.

Menurutnya, beras perang cambah OryGOLD merupakan produk beras yang dihasilkan melalui proses percambahan dan boleh digunakan sebagai alternatif kepada beras putih.

"Malah beras perang ini juga boleh digunakan sebagai bahan asas kepada penghasilan makanan berfungsi berasaskan bijirin seperti bubur segera, makanan bertenaga dan emping."

"Beras tersebut mampu mengurangkan masalah Alzheimer serta mencegah penyakit seperti kencing manis dan kolesterol tinggi," katanya ketika ditemui pada majlis perasmian Ekspos Pertanian dan Pesta Konvokesyen UPM serta pelancaran OryGOLD di Taman Pertanian UPM, Serdang, dekat sini hari ini.

Majlis perasmian serta pelan-

caran produk berkenaan disempurnakan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Noh Omar.

Dr. Maznah yang juga Ketua Laboratori Biobahan Molekul institut tersebut berkata, minuman kesihatan OryGOLD Drink pula telah ditingkatkan mutunya daripada teknologi OryGOLD untuk memberikan khasiat lebih tinggi.

"Ekstrak Gaba (gamma-amino butyric acid),  $\gamma$ -Oryzanol dan phenolic yang tinggi menjadikan produk ini sebagai minuman yang lengkap dan sesuai sebagai minuman harian.

"OryGOLD Drink dapat mengurangkan risiko menghidap kencing manis, sakit jantung dan Alzheimer. Produk ini dijual pada harga RM25 dan di stokis-stokis terpilih," katanya.

Katanya, OryGOLD merupakan cantuman perkataan 'oriza' iaitu nama saintifik bagi beras dan 'gold' yang membawa makna beras yang bernilai tinggi dan mengandungi khasiat pemakanan baik.

"Beras perang cambah mengandungi bahan bioaktif dan fiber yang tinggi berbanding beras putih biasa. Sudah banyak kajian dijalankan yang mengaitkan beras putih biasa dengan diabetes. Oleh itu beras perang cambah OryGOLD dilihat alternatif terbaik untuk kesihatan," jelasnya.